

Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia  
603-8911 7167 +603-8925 4402  
info@uis.edu.my  
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad



# Pendidikan Teodisi Islam sebagai Wacana Dakwah: Analisis Pendekatan al-Būṭī dalam *al-Insān wa 'Adālah Allāh fī al-Arḍ*


*Islamic Theodicy Education as A Da'wah Discourse: An Analysis of  
al-Būṭī's Approach in al-Insān Wa 'Adālah Allāh Fī al-Arḍ*

Nurhanisah Senin  , Nazneen Ismail  , Hamidun Mohamad Husin,  
Norsaleha Mohd Salleh  , Mustafa Kamal Amat Misra  , & Sheikha  
Saidah Mohamad Najeeb Jarhom

To cite this article:

Senin, N., Ismail, N., Mohamad Husin, H., Mohd Salleh, N., Amat Misra, M. K. & Mohamad Najeeb Jarhom, S. S. (2025). Pendidikan teodisi Islam sebagai wacana dakwah: Analisis pendekatan al-Būṭī dalam al-Insān wa 'Adālah Allāh fī al-Arḍ. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1518-1532. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.578>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.578>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:



<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/open>



Published online: 12 December 2025



Submit your article to this journal:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>



View related articles:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>




## Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

This is an open access article under the CC BY-NC license.













Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia  
603-8911 7167 +603-8925 4402  
info@uis.edu.my  
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad

**Vol. 10, No. 2, (December, 2025)**

## Pendidikan Teodisi Islam sebagai Wacana Dakwah: Analisis Pendekatan al-Būṭī dalam *al-Insān wa ‘Adālah Allāh fī al-Arḍ*



*[Islamic Theodicy Education as A Da‘wah Discourse: An Analysis of al-Būṭī’s Approach in al-Insān Wa ‘Adālah Allāh Fī al-Arḍ]*

Nurhanisah Senin  <sup>1\*</sup>, Nazneen Ismail  <sup>2</sup>, Hamidun Mohamad Husin<sup>2</sup>,  
Norsaleha Mohd Salleh  <sup>2</sup>, Mustafa Kamal Amat Misra  <sup>1</sup>,  
& Sheikha Saidah Mohamad Najeeb Jarhom<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

<sup>3</sup> Cordova Education Centre, Pasir Ris Drive 6, Singapore 510473, SINGAPORE.

\* Corresponding Author: Dr. Nurhanisah binte Senin, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), MALAYSIA.  nurhanisah.senin@usim.edu.my.  (+60) 11-3351 7890.

<b>Keywords:</b> Education, Theodicy, al-Būṭī, <i>Da‘wah</i>	<b>ABSTRACT</b> The issue of divine justice in the face of human suffering and evil is often used as an argument to question the existence of God or to challenge His attributes of justice and mercy. In this context, theodicy serves as a <i>da‘wah</i> discourse, addressing such doubts rationally and through divine revelation. This study employed content analysis to analyze syeikh Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī’s arguments on theodicy in <i>al-Insān wa ‘Adālah Allāh fī al-Arḍ</i> as a method of guiding those who experience theological doubts. The findings indicated that al-Būṭī emphasizes two main principles in understanding theodicy: God as the Creator and Owner of all things, with human beings as His servants, and the understanding that trials occur in both hardship and ease. Additionally, al-Būṭī also highlighted that worldly life is only a small part of Allah’s greater and comprehensive plan. <b>Contribution:</b> The findings of this study contribute to the education of society regarding the proper understanding of theodicy according to al-Būṭī. The study provides both an intellectual and spiritual framework to address the doubts of atheists and agnostics regarding the concepts of divinity and destiny. The findings also serves as a <i>da‘wah</i> approach towards these groups.
<b>Kata Kunci:</b> Pendidikan, Teodisi, al-Būṭī, Dakwah	<b>ABSTRAK</b> Persoalan tentang keadilan Tuhan dalam menghadapi kejahatan dan penderitaan manusia sering dijadikan hujah untuk menolak kewujudan Tuhan atau meragui sifat-Nya yang Maha Adil dan Maha Penyayang. Justeru, pendekatan teodisi berperanan penting sebagai wacana dakwah yang mampu

menjawab keraguan ini secara rasional dan berlandaskan wahyu. Kajian ini meneliti pendidikan teodisi yang diketengahkan oleh Syeikh Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī dalam karya beliau, *al-Insān wa 'Adālah Allāh fī al-Arḍ* sebagai satu pendekatan dakwah kepada golongan yang mempunyai keraguan terhadap Tuhan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis kandungan terhadap penulisan al-Būṭī berkaitan teodisi. Hasil analisis menunjukkan bahawa al-Būṭī menekankan dua prinsip utama dalam memahami teodisi: Pertama, Tuhan sebagai Pencipta dan Pemilik segala sesuatu dan manusia sebagai hamba. Kedua, ujian bukan datang dalam bentuk penderitaan tetapi juga dalam bentuk kesenangan. Syeikh al-Būṭī juga turut menekankan kesedaran bahawa kehidupan dunia hanyalah sebahagian kecil daripada rancangan Allah SWT yang lebih menyeluruh.

**Sumbangan:** Hasil kajian ini menyumbang kepada pendidikan masyarakat berkaitan panduan dalam memahami teodisi menurut al-Būṭī. Ia bukan sahaja menjadi landasan intelektual dan spiritual dalam mendepani keraguan golongan ateis agnostik terhadap konsep ketuhanan dan takdir, malah ia berperanan sebagai pendekatan dakwah terhadap golongan ateis agnostik.

#### ARTICLE HISTORY

Received: November 08, 2025  
Revised: November 21, 2025  
Accepted: November 25, 2025  
Available Online: December 12, 2025  
Published: December 19, 2025

This is an open access article under the CC BY-NC license.



#### To cite this article:

Senin, N., Ismail, N., Mohamad Husin, H., Mohd Salleh, N., Amat Misra, M. K. & Mohamad Najeeb Jarhom, S. S. (2025). Pendidikan teodisi Islam sebagai wacana dakwah: Analisis pendekatan al-Būṭī dalam *al-Insān wa 'Adālah Allāh fī al-Arḍ*. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1518-1532. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.578>

## I. PENDAHULUAN

Persoalan tentang penderitaan dan kejahatan merupakan salah satu persoalan paling mencabar dalam sejarah pemikiran manusia (Mackie, 1955; Rowe, 1979), khususnya apabila dikaitkan dengan kepercayaan kepada Tuhan yang Maha Adil dan Maha Penyayang. Dalam pelbagai tradisi agama, terutamanya agama-agama samawi, wujud keyakinan bahawa Tuhan bersifat sempurna, Maha Kuasa, Maha Mengetahui, dan Maha Penyayang. Namun, realiti kehidupan yang dipenuhi dengan penderitaan, bencana, dan ketidakadilan seringkali mengundang persoalan kritikal: "Jika Tuhan itu sempurna dan penuh kasih, mengapa Dia membiarkan makhluk-Nya menderita?"

Perbahasan ini telah melahirkan satu cabang penting dalam perbahasan falsafah agama yang dikenali sebagai teodisi, yang berasal daripada gabungan dua perkataan Yunani, *theos* (Tuhan) dan *dike* (keadilan). Teodisi merujuk kepada usaha untuk mempertahankan kebaikan dan keadilan Tuhan di sebalik kewujudan kejahatan (Bagus, 2002; Leahy, 1993; Ormsby, 1984). Perkataan ini mula dipopularkan oleh ahli falsafah Jerman, Gottfried Wilhelm Leibniz, menerusi karyanya *Theodicy: Essays on the Goodness of God, the Freedom of Man and the Origin of Evil*. Dalam karya tersebut, Leibniz (2009) mengemukakan pandangan bahawa walaupun kejahatan wujud, dunia ini tetap merupakan dunia terbaik antara semua dunia yang mungkin diwujudkan oleh Tuhan. Menurut beliau, kewujudan kejahatan bukan bukti kekurangan dalam sifat Tuhan, tetapi sebahagian daripada perancangan besar Tuhan yang tidak dapat difahami secara mutlak oleh manusia.

Teodisi menjadi semakin relevan dalam konteks moden apabila masyarakat berdepan dengan pelbagai bentuk penderitaan seperti peperangan, bencana alam, kemiskinan melampau, dan penindasan sosial. Persoalan ini bukan sahaja bersifat akademik, tetapi menyentuh dimensi emosi dan eksistensial manusia. Seorang tokoh falsafah agama kontemporari, Alvin Plantinga, mentakrifkan teodisi sebagai usaha untuk menjelaskan mengapa

Tuhan membenarkan kejahatan wujud. [Plantinga \(1974\)](#) dan ramai lagi sarjana melihat bahawa walaupun kejahatan berlaku, ia tidak semestinya menafikan sifat Maha Baik atau Maha Kuasa Tuhan, sebaliknya menunjukkan bahawa Tuhan memiliki sebab-sebab tertentu yang berada di luar jangkauan akal manusia.

Namun begitu, ramai pemikir ateis menolak hujah ini. Mereka melihat kewujudan penderitaan sebagai bukti jelas ketidakconsistenan antara konsep Tuhan yang sempurna dengan realiti dunia. Pemikir seperti [McCloskey \(1974\)](#) menyatakan bahawa konsep Tuhan tidak boleh berdiri secara rasional jika kejahatan dan ketidakadilan terus berlaku. Pandangan ini sebenarnya telah pun dikemukakan lebih awal oleh ahli falsafah Yunani, Epicurus, yang merumuskan dilema terkenal: “Jika Tuhan mahu menghapuskan kejahatan tetapi tidak mampu, maka Dia tidak Maha Kuasa; jika Dia mampu tetapi tidak mahu, maka Dia tidak Maha Baik; jika Dia mampu dan mahu, maka mengapa kejahatan masih wujud?” ([Syah, 2022](#)).

Tanggapan bahawa Tuhan, sebagai Yang Maha Baik, mesti menghapuskan kejahatan sering dibincangkan khususnya dalam perbincangan mengenai keadilan Ilahi untuk memahami sifat kejahatan dan penderitaan yang dialami makhluk ([Ramli, Sarifin, Yaacob, & Zin, 2022](#)). Persoalan-persoalan ini sering mencabar kesahihan agama, terutamanya dalam kalangan golongan yang menolak kepercayaan beragama, kerana kewujudan kejahatan boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap agama yang dibina atas asas Tuhan Yang Baik dan Sempurna ([Syafieh, 2019](#)).

Adapun dalam tradisi Islam, perbincangan teodisi turut menjadi agenda penting dalam pemikiran dalam kalangan ulama dan ahli kalam. Berbeza dengan pendekatan semata-mata logik seperti di Barat, Islam melihat penderitaan dalam kerangka yang lebih luas, iaitu sebagai sebahagian daripada ujian dan didikan Tuhan untuk membentuk jiwa manusia. Hal ini ditegaskan dalam banyak ayat al-Quran dan hadis, termasuk hadis yang diriwayatkan oleh [Şuhayb RA](#) bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ صُهَيْبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ  
سَرَاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

[Muslim, *Kitāb al-Zuhd wa al-Raqā'iq, Bāb al-Mu'min Amruhu Kulluh Khayr*, No. Hadis 2999]

Maksudnya:

“Amat menakjubkan urusan orang yang beriman kerana setiap urusannya adalah baik, dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada orang beriman. Jika dia mendapat sesuatu yang menyenangkan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Dan jika dia ditimpa kesusahan dia bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya.”

Hadis ini menunjukkan setiap keadaan yang menimpa seorang mukmin adalah sesuatu yang baik. Keistimewaan ini hanya terdapat pada orang beriman; tidak ada pada orang kafir atau munafik. Apabila seorang mukmin memperoleh nikmat seperti kesihatan, keselamatan, harta atau kedudukan, lalu dia bersyukur kepada Allah, maka dia dicatat sebagai hamba yang bersyukur. Sebaliknya, apabila dia ditimpa musibah lalu bersabar, dia pula dicatat sebagai hamba yang sabar ([Al-Munāwī, 1994](#)). Hadis ini juga mencerminkan bagaimana penderitaan bukan semata-mata keburukan, tetapi boleh menjadi sumber kebaikan jika dihadapi dengan sabar dan reda. Dalam kerangka ini, penderitaan dilihat bukan sebagai petanda kegagalan Tuhan menunaikan keadilan, tetapi sebagai wahana pendidikan rohani dan pembersihan jiwa.

Al-Ghazālī menekankan bahawa manusia tidak boleh memahami sepenuhnya hikmah Tuhan kerana akal manusia terbatas. Menurut beliau, apa yang dilihat sebagai kejahatan mungkin sebenarnya mengandungi hikmah tersembunyi yang hanya diketahui oleh Tuhan ([Al-Ghazālī, 2008b](#); [Senin & Misra, 2022](#)). [Ibn 'Aṭā'illah \(2011\)](#) pula menekankan unsur kerohanian dalam penderitaan, dengan melihat musibah sebagai jalan untuk mendekati diri kepada Tuhan ([Akhmad Faridatullah, Ahmad Hambali, Lukmanul Hakim, & Hardiyani Syah, 2023](#)). [Nursi \(2004\)](#) dalam *Risālah al-Nūr*, memperlihatkan penderitaan sebagai bentuk kasih sayang Tuhan dalam mendidik hamba-Nya, agar tidak lalai dan terus bergantung kepada rahmat-Nya ([Maftukhin, 2018](#); [Ozkan, 2015](#); [Rouzati, 2018](#)). Begitu juga [al-Sulamī \(1995\)](#) meletakkan panduan menghadapi musibah dengan mendekati diri kepada Allah SWT ([Wan Razali, 2023](#)).

Dalam konteks ini, tokoh kontemporari syeikh Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī turut memberikan sumbangan penting menerusi karya beliau iaitu *al-Insān wa 'Adālah Allāh fī al-'Arḍ (Manusia dan Keadilan Allah di Dunia)*. Menurut [al-Būṭī \(1976\)](#), penderitaan bukanlah petanda ketiadaan keadilan Tuhan, tetapi merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan Ilahi yang bertujuan membentuk keperibadian dan keimanan manusia. Beliau menjelaskan bahawa keadilan Tuhan tidak boleh diukur semata-mata dengan neraca akal manusia, kerana keadilan Ilahi

merangkumi hikmah-hikmah yang mendalam dan bersifat transenden. Justeru, penderitaan perlu difahami dalam kerangka takdir, ujian dan ganjaran ukhrawi, bukan sebagai kecacatan dalam sistem ciptaan Tuhan.

Lebih menarik, al-Būṭī (1976) menekankan bahawa sikap hati terhadap penderitaan adalah kunci utama dalam memahami keadilan Tuhan. Orang beriman diajar untuk melihat penderitaan bukan dengan putus asa, tetapi dengan keyakinan bahawa segala yang berlaku adalah ketentuan yang mengandungi rahmat tersembunyi. Dalam hal ini, konsep sabar, reda, dan tawakal menjadi teras dalam mendidik jiwa menghadapi kesukaran hidup. Kesimpulannya, persoalan mengapa Tuhan yang Maha Adil dan Maha Penyayang membenarkan penderitaan tidak dapat dijawab hanya dengan logik semata-mata. Ia menuntut kefahaman yang mendalam tentang konsep ketuhanan, hikmah, takdir, dan tujuan kehidupan itu sendiri sehingga menanamkan keimanan terhadap konsep qadak dan qadar. Tradisi Islam menawarkan pendekatan yang menyeluruh yang bukan sahaja mempertahankan sifat-sifat Tuhan tetapi juga memberi makna kepada penderitaan sebagai ujian yang mampu memperkukuh iman dan membawa manusia lebih dekat kepada Pencipta. Pendekatan teodisi seperti yang dibawa oleh al-Būṭī bukan sekadar menjawab persoalan rasional, tetapi juga membimbing hati manusia untuk menerima realiti hidup dengan jiwa yang tenang dan yakin kepada keadilan Ilahi yang melangkaui kefahaman manusia.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan untuk meneliti dan mentafsir teks karya syeikh al-Būṭī yang bertajuk *Manusia dan Keadilan Allah di Dunia*. Metodologi bermula dengan penentuan persoalan kajian yang memfokuskan kepada pemahaman tentang konsep keadilan Allah SWT menurut al-Būṭī. Kandungan dipilih berdasarkan kerelevanannya terhadap kajian ini, khususnya bahagian-bahagian yang menyentuh tema utama seperti hikmah Ilahi dan penderitaan manusia. Proses pengekodan dibangunkan untuk mengkategorikan tema-tema ini kepada segmen-segmen teks yang berkaitan untuk memudahkan analisis secara sistematik. Proses pengekodan ini dijalankan secara manual, memastikan setiap bahagian teks ditandakan secara konsisten mengikut kategori yang telah ditetapkan (Nowell, Norris, White, & Moules, 2017). Hasilnya kemudian disintesis untuk memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap pandangan al-Būṭī mengenai keadilan Ilahi. Pendekatan yang teliti ini memungkinkan pemahaman yang mendalam terhadap konsep-konsep teologi yang dikemukakan oleh al-Būṭī.

## 3. LATAR BELAKANG SYEIKH MUḤAMMAD SA'ĪD RAMAḌĀN AL-BŪṬĪ DAN KARYANYA

Syeikh al-Būṭī merupakan seorang pemikir Islam tersohor dari Syria. Beliau dilahirkan pada tahun 1929 di Ayn Dewar di utara Syria dan berpindah ke Damsyik bersama bapanya, Mullā Ramaḍān al-Būṭī, ketika berumur empat tahun. Bapanya merupakan seorang ulama yang dihormati dan memainkan peranan penting dalam pendidikan awal beliau (Lock, 2021).

Pada tahun 1953, al-Būṭī melanjutkan pengajian di Fakulti Syariah Universiti al-Azhar di Mesir dan menamatkan pengajiannya dengan kepujian kelas pertama pada tahun 1955. Pada tahun 1958, beliau menjadi guru di sekolah menengah di Homs, sebelum dilantik sebagai pensyarah di Fakulti Syariah, Universiti Damsyik pada tahun 1961. Beliau memperoleh ijazah kedoktoran dari Universiti al-Azhar pada tahun 1965, dan seterusnya dilantik sebagai penolong profesor dan profesor penuh. Beliau juga pernah menjadi dekan dan ketua Program Usuluddin dan Perbandingan Agama (Lock, 2021).

Keilmuan al-Būṭī terserlah melalui karya-karyanya yang melebihi 60 buah buku dalam pelbagai disiplin agama seperti tafsir, fiqah, aqidah dan pemikiran Islam. Antara karya terkenal beliau termasuk *Fiqh al-Sīrah*, *Kubrā al-Yāqiniyyāt*, dan syarahnya terhadap *al-Hikam* oleh Ibn 'Aṭā'illah al-Sakandarī. Beliau aktif mengajar di masjid-masjid sekitar Damsyik, khususnya di Masjid al-Iman, dan juga berkhotbah di Masjid Agung Umawi. Beliau dikenali sebagai tokoh ilmuwan Islam yang sederhana, seimbang, dan menyeru kepada kesatuan dalam ajarannya. Beliau juga sering muncul di televisyen dan radio serta menyampaikan syarahan di pelbagai negara dalam usaha menyebarkan pemahaman Islam yang seimbang (Himāmī, t.th.).

Pada 21 Mac 2013, al-Būṭī syahid dalam satu serangan bom ketika menyampaikan kuliah tafsir di Masjid al-Iman. Jenazah beliau dikebumikan bersebelahan dengan makam Salahuddin al-Ayyubi di perkuburan Bāb al-Ṣaghīr, Damsyik. Legasi keilmuan beliau terus hidup melalui karya-karyanya dan pengaruh luas dalam dunia Islam. Beliau dihormati sebagai salah seorang ulama besar abad ke-20 dan awal abad ke-21 (Himāmī, t.th.).

Pandangan-pandangan beliau terus dirujuk oleh umat Islam seluruh dunia dalam memahami Islam dan menangani cabaran pemikiran moden (Lock, 2021).

Karya *al-Insān wa 'Adālah Allāh fī al-Arḍ* telah disiapkan oleh al-Būṭī pada 27 Disember 1971 (Al-Būṭī, 1976). Dalam mukadimah bukunya *Manusia dan Keadilan Allah di Dunia*, al-Būṭī menyatakan bahawa tujuan utama beliau menulis karya ini adalah untuk menjawab persoalan semasa berkaitan keadilan Tuhan, terutamanya dalam kalangan golongan muda Islam. Krisis kehidupan moden yang diperburuk dengan gambaran negatif terhadap Islam di Barat telah menyebabkan peningkatan keraguan dan persoalan tentang keadilan Allah SWT. Al-Būṭī berkongsi bahawa beliau pernah ditanya: “Di manakah keadilan Tuhan?” Menurutnya, soalan seperti ini sering timbul akibat kekeliruan yang disebarkan oleh kumpulan sekular yang ingin menanamkan keraguan terhadap agama, atau mungkin juga berpunca daripada trauma peribadi akibat pengalaman pahit dan penderitaan (Al-Būṭī, 1976).

Meskipun ringkas, buku ini menyajikan solusi yang komprehensif, khususnya bagi pembaca yang menghadapi keraguan terhadap keimanan mereka kepada Allah SWT disebabkan persekitaran atau pengalaman yang kurang baik dalam kehidupan. Beliau menekankan bahawa umat Islam perlu belajar menafsirkan peristiwa-peristiwa tersebut dengan betul dan menanganinya berdasarkan ajaran sebenar Islam (Himāmi, t.th.).

Al-Būṭī (1976) mendapati bahawa keraguan terhadap keadilan Allah SWT sering berlaku dalam kalangan intelektual dan golongan terpelajar. Oleh itu, beliau menulis buku ini secara ringkas untuk menarik minat golongan muda yang lebih cenderung kepada bahan bacaan yang pendek dan mudah difahami. Beliau menyedari bahawa generasi ini gemar kepada jawapan pantas dan ringkas, meskipun dalam perkara-perkara teologi dan falsafah yang rumit. Maka, buku ini disusun secara padat dengan jawapan-jawapan yang tepat bagi menangani keraguan dan soalan-soalan yang mungkin timbul dalam pemikiran mereka yang sedang berjuang dengan keimanan (Himāmi, t.th.).

Al-Būṭī menganggap buku ini sebagai pintu bagi menjawab persoalan golongan pemikir bebas untuk menyedari pentingnya perbincangan tentang keadilan Ilahi. Beliau menjangkakan bahawa jika para pembaca masih mempunyai soalan selepas membaca buku ini, mereka akan terdorong untuk mendalami lagi tajuk ini (Al-Būṭī, 1976). Dalam penulisan *Manusia dan Keadilan Allah di Dunia*, al-Būṭī mengenal pasti dua golongan utama sebagai sasaran bukunya. Golongan pertama ialah masyarakat umum yang percaya kepada Allah SWT, para nabi, dan Hari Kiamat, tetapi tidak memiliki pengetahuan mencukupi untuk mempertahankan keimanan mereka daripada persoalan-persoalan mencabar. Golongan kedua pula terdiri daripada minoriti yang pemikiran mereka telah dipengaruhi oleh ideologi yang menafikan kewujudan Tuhan, selalunya sebagai hasil daripada pengalaman hidup yang menggugat keimanan mereka. Al-Būṭī turut mengakui bahawa sebahagian individu mungkin membentuk persepsi negatif terhadap agama disebabkan masalah psikologi. Kedua-dua golongan ini sering berada di persimpangan antara iman dan ateisme, dan mereka cenderung untuk mempersoal atau menafikan kewujudan Tuhan. Al-Būṭī mengarahkan bukunya kepada mereka, dengan harapan dapat membimbing mereka kembali kepada akidah Islam yang sebenar (Al-Būṭī, 1976).

Namun begitu, al-Būṭī turut menyatakan kewujudan satu lagi golongan yang menafikan kewujudan Allah SWT dan agama. Cara berfikir ini telah tertanam secara mendalam dalam diri mereka. Golongan ini juga giat mengajak orang lain untuk turut menafikan Tuhan. Menurut al-Būṭī, perbincangan seperti yang dibentangkan dalam bukunya tidak mungkin memuaskan hati golongan ini, walau betapa logiknya hujah yang dikemukakan, kerana mereka serupa seperti yang digambarkan oleh Allah SWT dalam surah al-Hijr [15] ayat 14 dan 15:

﴿وَلَوْ فَتَحْنَا عَلَيْهِم بَابًا مِّنَ السَّمَاءِ فَظَلُّوا فِيهِ يَعْرُجُونَ ﴿١٤﴾ لَقَالُوا إِنَّمَا سُكَّرَتْ أَبْصَارُنَا بَلْ نَحْنُ قَوْمٌ مَّسْحُورُونَ ﴿١٥﴾﴾

Maksudnya:

“Dan jika Kami bukakan kepada mereka (orang-orang musyrik) satu pintu dari langit, lalu mereka terus-menerus naik ke atasnya, tentulah mereka akan berkata: “Sesungguhnya mata kami telah disilaukan, bahkan kami adalah kaum yang terkena sihir.”

Menurut Ibn Kathīr (1999), ayat di atas ini jelas menunjukkan sikap degil dan ingkar golongan yang tidak mempercayai Tuhan walaupun mereka telah dihadirkan dengan bukti-bukti yang jelas. Secara kesimpulannya, penulisan buku ini jelas bertujuan memperbetulkan kefahaman golongan yang beriman namun mempunyai keraguan terhadap keadilan Allah SWT. Dengan penulisan yang ringkas dan padat ini, al-Būṭī (1976) mengharap pembaca dapat memahami konsep keadilan Tuhan dan menjadi pendorong kepada pembaca untuk mencari kebenaran dengan lebih mendalam.

#### 4. TEODISI MENURUT AL-BŪṬĪ

Teodisi menekankan kefahaman terhadap keadilan Tuhan di sebalik ujian dan musibah yang menimpa diri seseorang. Ketidakadilan yang berlaku di dunia bukanlah mencerminkan kekurangan sifat dan Zat Allah SWT yang Maha Sempurna. Sebaliknya, ianya perlu difahami dalam kerangka akidah yang sebenar (Senin & Misra, 2022). Pendekatan al-Būṭī terhadap isu teodisi merangkumi dua idea utama. Pertama, ia melibatkan penegasan yang kukuh terhadap kewujudan Tuhan sebagai Pencipta dan Penguasa alam semesta. Kepercayaan asas ini menjadi asas kepada keseluruhan kerangka teologi beliau. Kedua, ia menuntut pemahaman yang tepat terhadap ujian dan dugaan, di samping penghayatan yang mendalam terhadap konsep kebaikan dan kejahatan. Teodisi al-Būṭī menekankan bahawa pengiktirafan terhadap tujuan Ilahi di sebalik penderitaan serta kemampuan untuk memahami hakikat kebaikan dan kejahatan adalah penting bagi memahami keadilan dan hikmah Tuhan secara menyeluruh (Al-Būṭī, 1976).

##### *4.1 Keadilan Tuhan dalam Kerangka Tuhan sebagai Pencipta dan Pemilik; Manusia sebagai Hamba*

Dalam perbahasannya mengenai keadilan Tuhan, al-Būṭī menyatakan bahawa mereka yang sering mempersoalkan isu ini biasanya terdiri daripada individu yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan dan menggunakan persoalan-persoalan tersebut sebagai alasan untuk menafikan kewujudanNya. Bagi golongan ini, agama sering dilihat bercanggah dengan akal, lalu membawa mereka kepada penolakan terhadap konsep Tuhan secara keseluruhan. Mereka membina prinsip-prinsip logik berdasarkan penolakan ini dan mengemukakannya sebagai hujah intelektual. Namun, menurut al-Būṭī (1976), hujah-hujah ini hanyalah satu helah semata-mata kerana asas kepada andaian mereka sebenarnya digerakkan oleh kehendak nafsu dan bukannya pencarian intelektual yang tulen. Al-Būṭī berhujah bahawa golongan ini sengaja menafikan realiti di hadapan mereka, lalu terperangkap dalam kitaran keraguan yang tiada penghujung.

Untuk memahami sepenuhnya keadaan dan pengalaman hidup seseorang, kepercayaan kepada kewujudan Tuhan dan risalah yang dibawa oleh Nabi adalah sangat penting. Tanpa kepercayaan kepada Tuhan, persoalan asas mengenai kehidupan manusia tidak akan dapat dijawab dengan memadai kerana hikmah Allah SWT dalam mengatur kehidupan makhlukNya mesti diakui oleh setiap Muslim. Al-Būṭī (1976) berpendapat bahawa mereka yang secara keras menolak kewujudan Tuhan tidak seharusnya diberikan ruang perbincangan kerana sebarang hujah yang diberikan kepada mereka pasti akan ditolak dengan alasan penafian terhadap kewujudan Tuhan. Namun, al-Būṭī (1976) membuat perbezaan terhadap individu yang masih mempunyai sedikit kepercayaan kepada Tuhan tetapi telah dipengaruhi oleh pemikiran sekular dan humanisme yang menafikan ketuhanan. Individu seperti ini, walaupun dalam keadaan keliru, masih boleh dibimbing. Keraguan mereka perlu ditangani dengan pendekatan yang ringkas tetapi menyeluruh. Jawapan yang diberikan bukan bertujuan untuk menutup mulut ateis tegar, tetapi untuk membantu mereka yang benar-benar ingin mencari jawapan terhadap persoalan yang dibangkitkan oleh pemikir sekular.

Secara logiknya, sebagai hamba yang bergantung kepada Penciptanya, tidak wajar bagi seorang hamba untuk menetapkan apa yang adil bagi Tuhan. Sebagai pemilik, Tuhan mempunyai hak untuk bertindak sesuka hati terhadap hamba-Nya. Seperti mana seorang pemilik mempunyai kuasa untuk berbuat apa sahaja terhadap miliknya mengikut kebijaksanaan sendiri, demikianlah juga Tuhan terhadap ciptaan-Nya. Tiada siapa yang berhak campur tangan atau mempersoalkan tindakan pemilik terhadap hartanya. Justeru, al-Būṭī merumuskan bahawa segala tindakan Allah SWT terhadap hamba-hamba-Nya adalah adil dan berasas. Segala yang berlaku adalah sebahagian daripada kehendak dan perancangan Allah SWT yang bertujuan untuk memberi makna kepada kehambaan manusia kepada-Nya (Al-Būṭī, 1976).

Kezaliman merujuk kepada keadaan iaitu seseorang bertindak melanggar hak orang lain tanpa keizinan pemiliknya. Maka bagaimana mungkin kezaliman boleh dinisbahkan kepada Allah, sedangkan Dialah Pemilik mutlak terhadap segala sesuatu yang wujud di dunia ini? Jika keadilan dinisbahkan kepada Tuhan, ia merujuk kepada keadilan Ilahi terhadap hamba-hamba-Nya, yang akan dizahirkan pada Hari Kiamat melalui balasan kepada orang yang berbuat baik dan hukuman kepada orang yang berbuat jahat (Al-Būṭī, 1976).

Sekiranya kejahatan berlaku di dunia, Tuhan tidak patut dipalitkan dalam kejahatan yang terjadi. Menurut al-Taftāzānī (2017), pihak yang disifatkan dengan sifat tertentu ialah pihak yang berdiri dengannya sifat tersebut dan bukan pihak yang menciptakan sifat tersebut. Adakah apabila Allah SWT menciptakan warna hitam dan putih dan segala sifat yang wujud pada manusia bermaksud Allah SWT bersifat dengan sifat-sifat tersebut? Jawapannya sudah tentu tidak. Maka dapat disimpulkan bahawa manusia tidak boleh memaksa Tuhan untuk bertindak dengan cara tertentu terhadap makhluk-Nya. Begitu juga, kefahaman mengenai baik dan buruk adalah bersifat relatif dari perspektif manusia. Tuhan yang menetapkan apa itu kebaikan berdasarkan pematuhan

kepada hukum-Nya, dan apa itu keburukan berdasarkan pelanggaran terhadapnya. Kejahatan, yang Allah Maha Suci daripadanya, ialah sesuatu yang telah ditetapkan-Nya sebagai jahat. Kesempurnaan yang disandarkan kepada Allah SWT adalah apa yang telah didefinisikan oleh-Nya sebagai kesempurnaan. Oleh itu, apa sahaja yang dilakukan oleh Allah SWT terhadap hamba-hamba-Nya dianggap sebagai kesempurnaan dan bebas daripada sebarang unsur kejahatan atau kezaliman (Al-Būṭī, 2005). Ini juga selari dengan pandangan al-Ghazālī (2008a) yang menyatakan bahawa baik dan buruk itu selari dengan perintah Tuhan dan bukannya berdasarkan apa yang dilihat baik atau buruk menurut kecenderungan manusia.

Satu persoalan yang sering dibangkitkan ialah mengapa Tuhan membenarkan kewujudan baik dan jahat, kesenangan dan kesakitan, sedangkan Dia boleh sahaja memberikan hanya kebaikan dan kesenangan serta menghapuskan semua penderitaan. Menurut al-Būṭī (1976), Allah SWT bertujuan untuk menzahirkan keagungan dan kebesaran-Nya melalui penciptaan manusia sebagai makhluk yang berakal. Dengan memahami konsep kehambaan secara menyeluruh dan ikhlas, seseorang boleh menyesuaikan dirinya dengan realiti kehidupan melalui penyerahan secara sukarela kepada apa yang telah ditentukan oleh Allah SWT dan mencari hikmah di sebalik setiap kejadian.

Kefahaman ini hanya dapat dicapai oleh mereka yang mempunyai akal yang sihat, yang mampu melahirkan rasa harapan dan takut. Jika manusia diberikan tanggungjawab dalam kehidupan, maka hidup mereka pasti akan diwarnai dengan kegembiraan dan penderitaan, kesenangan dan kesakitan. Ketidakpuasan terhadap hakikat ini menunjukkan bahawa seseorang itu masih belum menerima secara sukarela tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh Tuhan (Al-Būṭī, 1976).

Jika individu terus mempersoalkan mengapa Tuhan menjadikan mereka sebagai hamba tanpa memberikan mereka kebebasan sepenuhnya untuk melakukan apa sahaja yang mereka kehendaki, al-Būṭī berhujah bahawa logik akal tidak mampu menjawab persoalan ini, dan ia mesti diajukan secara langsung kepada Tuhan sebagai Pencipta. Oleh itu, adalah penting bagi seseorang individu untuk memahami konsep kehambaan agar dapat mengiktiraf Allah sebagai Pemilik dan Pencipta yang sebenar. Antara cara untuk merendahkan diri di hadapan Allah SWT adalah melalui penghayatan terhadap firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah [2] ayat 156:

﴿الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾﴾

Maksudnya:

“(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah SWT dan kepada Allah SWT jualah kami kembali.”

Menurut Ibn Kathīr (1999), dengan ucapan ini memberi rasa ketenangan pada hati. Ia memperingatkan manusia hanyalah sebagai hamba Allah SWT dan hamba tidak mempunyai hak untuk mempersoalkan Tuannya. Manusia perlu mengetahui mereka adalah milik Allah SWT yang berkuasa melakukan apa sahaja ke atas hamba-hamba-Nya. Dengan memperakui kepada Allah SWT jua manusia akan dikembalikan, memperingatkan bahawa setiap kesusahan yang dilalui tidaklah sia-sia tetapi akan diberikan balasan oleh Allah SWT di akhirat kelak. Dunia ini tidak lain hanyalah sebagai tempat bercucuk tanam dan akhirat adalah tempat mendapatkan hasil tanaman.

Justeru, rasa kehambaan kepada Allah SWT menuntut kepada ketundukan tanpa sebarang bantahan. Apabila manusia benar-benar memahami bahawa dia adalah hamba, maka dia akan mendapati dia berada dalam keadaan menyerah kepada Allah SWT. Namun apabila seseorang sentiasa mengisi hatinya dengan berzikir kepada Allah SWT, dia akan mendapati segala kesusahan di dunia tidak boleh dibandingkan dengan kenikmatan Allah SWT yang tidak terkira. Pada saat ini, seorang hamba tidak lagi merasai perbezaan antara kesusahan dan penderitaan yang dilaluinya. Selagi mana ia adalah kehendak Allah SWT, ia dianggap baik dan sempurna oleh hamba. Sebaliknya, sekiranya hati seseorang terpaut dengan dunia dan segala isinya, apabila ujian kesusahan menimpanya, hatinya sukar menerima takdirnya dan sukar untuk dia bersabar kerana apa yang berlaku adalah bertentangan dengan keinginannya (Al-Būṭī, 1976).

Ringkasnya, dalam memahami konsep keadilan Tuhan, al-Būṭī memberikan analogi penting dalam memahami kedudukan Tuhan berbanding dengan manusia. Dengan memahami dengan sebenar-benarnya maksud Tuhan sebagai pencipta dan manusia sebagai hamba, golongan yang meragui Tuhan diharapkan dapat mensabitkan sikap adil kepada Tuhan kerana sebagai hamba manusia bukanlah berada di posisi untuk mempersoalkan keadilan Tuhan. Selanjutnya, keyakinan wujudnya akhirat juga membuktikan keadilan Allah SWT sebagai Tuhan yang mencipta dan mentadbir alam. Kesedaran ini boleh dicapai sepenuhnya apabila seseorang menyayangi Allah SWT sehingga tidak terkesan kesusahan mahupun kesenangan dunia pada dirinya melainkan ia melihat segala sesuatu yang berlaku adalah manifestasi cinta Tuhan kepadanya.

## 4.2 Maksud Sebenar Ujian dan Penderitaan

Syeikh al-Būṭī (1976) menerangkan manusia lazimnya menganggap ujian sebagai kekurangan fizikal atau material seperti kehilangan anggota badan, buta atau menghidap penyakit. Namun, sebaliknya al-Būṭī menekankan ujian tidak terhad kepada keadaan lahiriah yang boleh dilihat semata-mata, tetapi turut merangkumi ujian yang menimpa bahagian dalaman diri, yang menyebabkan kesakitan emosi dan penderitaan batin. Manusia perlu menyedari bahawa ujian bukan sahaja berupa kesakitan atau kemiskinan fizikal, ujian juga datang dalam bentuk nikmat, di mana individu perlu bersyukur atas setiap anugerah yang diterima, sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran, surah al-Anbiyā' [21] ayat 35:

﴿كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَتَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْحَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾﴾

Maksudnya:

“Setiap jiwa akan merasai mati. Kami menguji kamu dengan kejahatan dan kebaikan sebagai satu ujian; dan kepada Kamilah kamu akan dikembalikan.”

Menurut Ibn Abbās RA seperti yang dinukilkan oleh Ibn Kathīr (1999), Allah SWT memberikan ujian dengan kesusahan dan kesenangan, kesihatan dan kesakitan, kekayaan dan kemiskinan, perkara yang halal dan perkara yang haram, ketaatan dan kemaksiatan serta petunjuk dan kesesatan. Ayat ini jelas menunjukkan ujian bukan datang dalam bentuk kesusahan sahaja tapi dalam masa yang sama ia turut dihadirkan dalam bentuk kesenangan. Setiap perlakuan manusia sebagai respon terhadap kesenangan dan kesusahan tersebut akan dihisab apabila dia kembali kepada Allah SWT.

Ujian memberi kesan kepada jiwa dalam bentuk yang tidak dapat dikesan oleh pancaindera, dan dikenakan dengan cara yang lebih luas serta mendalam daripada apa yang boleh difahami sepenuhnya oleh pemikiran manusia. Beliau menegaskan bahawa tiada seorang manusia pun yang boleh terlepas daripada ujian (Al-Būṭī, 1976). Tambahan pula, kesusahan yang menimpa seseorang itu, menurut al-Būṭī, merupakan tanda kebaikan Allah SWT terhadap hamba-Nya, kerana ia membuka peluang untuk menguatkan keimanan. Sebagaimana diriwayatkan oleh Abū Hurayrah RA bahwasanya Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ يُرِدُ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُصِيبْ مِنْهُ

[Al-Bukhārī, *Kitāb al-Marḍā, Bāb Mā Jā'a fī Kaffārat al-Maraḍ*, No. Hadis 5321]

Maksudnya:

“Sesiapa yang Allah SWT kehendaki kebaikan padanya, Dia akan menimpakan ujian ke atasnya.”

Menurut al-Būṭī (1976), menjadi satu kesilapan asas yang sering berlaku dalam penilaian manusia ialah apabila melihat seseorang yang buta atau pekak, kita akan berasa simpati dan menganggap mereka pasti berasa sedih. Sebaliknya, apabila kita melihat orang kaya menaiki kereta mewah dan hidup dalam kemewahan, kita sering membuat andaian bahawa mereka pasti bahagia. Tanggapan ini, yang bersandarkan pada penampilan luar, adalah satu kesilapan besar. Kebahagiaan dan kesedihan sebenar tidak ditentukan oleh keadaan zahir semata-mata, dan adalah satu kesilapan untuk menilai keadaan dalaman seseorang hanya berdasarkan apa yang kelihatan. Menurut al-Būṭī (1976), penderitaan yang dialami seseorang bukan berpunca daripada ujian itu sendiri, tetapi daripada ketidakmampuan jiwa untuk menerima dan mengatasi ujian tersebut.

Syeikh al-Būṭī berpendapat bahawa kebahagiaan dan ketenangan yang sebenar hanya boleh dicapai melalui keimanan kepada kewujudan Allah SWT. Setiap individu mesti memahami hakikat kewujudan manusia seperti yang ditakrifkan oleh Allah SWT, termasuk identiti mereka, kehidupan, asal-usul dan tanggungjawab mereka. Setelah memahami hal ini, seseorang akan menyedari bahawa mereka adalah hamba milik Allah SWT. Sebagai seorang hamba, peranan manusia adalah menerima dan mematuhi segala perintah, tanpa membantah apabila ujian menimpa (Al-Būṭī, 1976). Menurut beliau, konsep kebaikan, manfaat dan kebahagiaan sering kali tertakluk kepada tafsiran individu dan mungkin tidak selari dengan keinginan atau tanggapan peribadi tentang apa itu kebaikan. Sebaliknya, konsep-konsep ini seharusnya difahami berdasarkan piawai objektif yang ditentukan oleh ilmu Ilahi, yang melampaui kehendak dan imaginasi subjektif manusia (Al-Būṭī, 1976).

Persoalan yang sering timbul dalam kalangan manusia adalah bagaimana kemewahan dan kekayaan yang dimiliki oleh orang kaya boleh dianggap sebagai ujian yang membebaskan mereka? Ujian sebenar bagi golongan kaya ialah perintah untuk bersyukur atas nikmat yang mereka peroleh. Kesyukuran bukan hanya diungkapkan

melalui kata-kata, tetapi mesti dizahirkan dengan memastikan bahawa setiap nikmat digunakan dalam batas yang dibenarkan oleh Allah SWT, Pemilik dan Pemberi segala nikmat. Justeru, keadaan seperti itu juga dianggap sebagai satu bentuk ujian. Allah SWT berfirman dalam surah Saba' [34] ayat 13 bahawa hanya sedikit hamba-Nya yang benar-benar bersyukur.

﴿... أَعْمَلُوا ءَالَ دَاوُدَ شُكْرًا وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ الشَّاكِرِينَ﴾

Maksudnya:

“... Bekerjalah wahai keluarga Daud, untuk bersyukur (kepada Allah SWT). Dan sedikit sekali dari kalangan hamba-hamba-Ku yang bersyukur.”

Menurut *Ibn Kathīr* (1999), syukur dapat dimanifestasikan menerusi mentaati perintah Allah SWT. Ini menunjukkan bahawa ujian dalam bentuk kesyukuran bukanlah sesuatu yang mudah sebagaimana yang disangka. Sebaliknya, mereka yang hidup dalam kesempitan, seperti kemiskinan, tiada pilihan selain bersabar. Syeikh *al-Būṭī* (1976) menegaskan pemberian Allah SWT dalam bentuk kesenangan dan kemewahan bukanlah kayu ukur keredaan Allah SWT terhadap hamba-Nya. Namun sebaliknya adalah sejauh mana manusia dapat mensyukuri nikmat yang diberikan Allah serta bersabar terhadap penderitaan yang dilalui.

Persoalan lain yang sering timbul ialah mengapa orang yang tidak beriman dikurniakan pelbagai nikmat, sedangkan orang beriman dibebani dengan pelbagai kesusahan hidup. Menurut *al-Būṭī* (1976), persoalan ini tidak sepatutnya dibangkitkan kerana kebaikan dan kesenangan duniawi bukanlah ukuran kebahagiaan manusia atau tanda keredaan Allah SWT. Ia juga bukan ukuran kejayaan dan kebahagiaan sesebuah bangsa yang Allah SWT redai, walaupun bangsa itu mungkin sedang menikmati kehidupan yang selesa dan mewah pada hari ini. Namun, semua itu hanyalah bersifat sementara, sedangkan azab di akhirat bagi golongan tersebut adalah kekal, sebagaimana disebut dalam al-Quran (Āli ‘Imrān [3]: 1 178, 96 & 197). Nabi Muhammad SAW sendiri telah melalui pelbagai kesusahan, sehingga ahli keluarganya kadangkala tidak menjamah makanan selama berbulan-bulan (*Al-Būṭī, 1976*)

Syeikh *al-Būṭī* (1976) menerangkan bahawa keadaan seseorang di akhirat kelak tidak sama seperti apa yang dilalui di dunia. Seorang Muslim yang sabar menghadapi ujian dan penderitaan di dunia akan menjadi orang yang dicemburui di akhirat kerana ganjaran yang menantinya. Sebaliknya, individu yang hidup dalam kemewahan dan berlebihan di dunia, serta membazirkan harta untuk diri sendiri, mungkin akan menimbulkan rasa simpati di akhirat kerana penderitaan yang akan mereka alami.

Secara kesimpulannya, dalam memahami keadilan Allah SWT, *al-Būṭī* memperbetulkan salah faham berkaitan dengan ujian dan penderitaan yang lazimnya difahami sebagai satu takdir yang buruk. Namun hakikatnya, manusia perlu faham kesenangan juga adalah satu ujian daripada Allah SWT untuk melihat samada hamba-Nya bersyukur atau kufur. Tanggapan yang silap pada meletakkan kayu ukur kepada Allah dalam menilai manusia adalah pada kesenangan fizikal semata menjadikan manusia salah faham terhadap kesusahan dan penderitaan sebagai sesuatu yang tidak baik di sisi Allah SWT. Justeru, selain daripada memperbetulkan kefahaman berkaitan ujian, *al-Būṭī* menekankan konsep sabar dan syukur yang perlu dipraktikkan oleh setiap individu Muslim. Secara tidak langsung, ujian yang diberikan berperanan sebagai pembentuk rohani Muslim yang merupakan sebahagian daripada hikmah Allah SWT.

## 5. PENDIDIKAN TEODISI SEBAGAI WACANA DAKWAH

Dalam konteks dakwah, wacana teodisi bukan sekadar usaha menjawab persoalan intelektual mengenai penderitaan dan kejahatan, tetapi menjadi wadah pendidikan spiritual yang menyentuh hati dan minda. Seorang pendakwah perlu mempunyai strategi dalam memastikan matlamat serta mesej yang ingin disampaikan dapat dihayati oleh *mad'u* (*Aini, Don, Mokhtar, & Ahmad Fauzi, 2019*). *Al-Būṭī* menjadikan teodisi sebagai ruang tarbiyyah, dengan tujuan memperkukuhkan kefahaman tentang qadqad dan qadar, serta menanamkan rasa reda dan percaya terhadap kebijaksanaan Tuhan (*Al-Buti, 1976*).

Syeikh *al-Būṭī* (1976) mengetengahkan perbincangan teodisi sebagai tajuk dakwah yang penting dalam membentuk kefahaman mendalam terhadap konsep takdir dan hikmah Allah SWT dalam penulisannya *al-Insān wa 'Adālah Allāh fī al-Ard* Teodisi menjadi alat untuk mendidik masyarakat agar melihat musibah dan kesusahan sebagai sesuatu yang tidak bertentangan dengan keadilan Tuhan tetapi ianya sebagai sunnatullah yang penuh hikmah. Dakwah menerusi penulisan ini secara tidak langsung dapat membantu masyarakat menerima realiti kehidupan dengan jiwa yang tenang dan penuh harapan. Dengan kefahaman yang betul dalam memahami makna

ujian dan penderitaan, seseorang tidak akan semudah-mudahnya mempertikaikan keadilan Tuhan, sebaliknya akan berusaha untuk menundukkan diri sebagai hamba yang reda dan bersyukur.

Penyampaian dakwah boleh dilaksanakan menerusi pelbagai medium seperti penulisan, percakapan, tayangan dan sebagainya (Mohamad & Majid, 2019). Al-Quran telah menyebutkan penggunaan pelbagai bahasa yang sesuai dalam menyampaikan dakwah seperti kata-kata yang lembut (*qawlan layyinā*), kata-kata yang memberi kesan (*qawlan bālighā*), perkataan yang mudah dan senang (*qawlan maysūrā*), kata-kata yang baik dan mulia (*qawlan karīma*), kata-kata yang benar (*qawlan sadīda*) dan kata-kata yang baik serta bersifat ihsan (*qawlan ma'rūfā*) (Zikmal, 2015). Buku *al-Insān wa 'Adālah Allāh fī al-Ard* jelas menggunakan perkataan yang lembut dan memberi kesan serta mudah dan senang difahami oleh pembaca. Ia turut memuatkan kata-kata yang benar dalam memberikan kefahaman kepada pembaca berkaitan dengan ujian, penderitaan serta kedudukan Tuhan sebagai pencipta dan manusia sebagai hamba. Kefahaman berkaitan konsep sebegini perlu diluruskan supaya tidak timbul keraguan terhadap keadilan Tuhan.

Dalam usaha memberi pendidikan yang berkesan, al-Būṭī (1976) menerangkan secara jelas di awal penulisannya tentang audien dakwahnya. Beliau membezakan antara golongan ateis yang menolak Tuhan secara mutlak dan golongan yang masih memiliki benih kepercayaan namun keliru dalam memahami keadilan Tuhan akibat daripada pemikiran sekular dan materialisme. Menurut al-Būṭī, dialog dakwah kepada kumpulan pertama tidak bermanfaat kerana premis mereka yang menolak kewujudan Tuhan sejak dari awal lagi. Berbeza dengan kumpulan kedua, pendekatan pendidikan serta dakwah kepada mereka diperlukan untuk memperbetulkan salah faham mereka serta menghilangkan kekeliruan mereka. Pendekatan ini bukan bertujuan untuk memaksa, tetapi ia bermaksud untuk membimbing dan memahami penderitaan yang berlaku dalam kehidupan daripada perspektif Tuhan.

Pendekatan dakwah kepada golongan ini haruslah dilakukan dengan penuh hikmah bersandarkan kepada akal dan wahyu. Beliau menolak pendekatan yang bersifat emosional semata-mata atau yang hanya berlandaskan kepada logik akal semata-mata tanpa pentunjuk wahyu. Penerangan berkaitan dengan penderitaan memerlukan hujah yang tenang bersifat mendidik dan menjentik kesedaran dalaman. Ianya perlu dilaksanakan dengan kebijaksanaan, nasihat yang baik serta perdebatan sekiranya diperlukan selaras dengan firman Allah SWT (al-Nahl [16]: 125). Merujuk kepada golongan yang masih beriman, al-Būṭī (1976) menyebutkan:

“Mungkin mereka mempunyai sedikit keimanan kepada Allah SWT dan keesaan-Nya, namun mereka tidak memiliki pengetahuan yang mencukupi untuk memenuhi kehendak intelektual mereka dalam bidang akidah Islam dan asas-asasnya. Lalu mereka mudah terpengaruh oleh persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh mereka yang pakar dalam serangan pemikiran, dan terjerumus dalam kekeliruan serta was-was tanpa menemukan jalan keluar daripadanya. Maka adalah menjadi suatu keperluan untuk menjawab persoalan-persoalan ini dengan cara yang mudah dan terperinci, bukan semata-mata untuk membungkam pendokong ideologi ateisme, tetapi untuk memberi kefahaman kepada mereka yang benar-benar ingin memahami.”

Syeikh al-Būṭī menganggap penulisan ini sebagai satu pendekatan dakwah kepada golongan yang dilanda keraguan terhadap Allah SWT. Dengan penulisan buku ini diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan tersebut. Pendekatan ini sejajar dengan suruhan Allah SWT untuk berdakwah. Menurut al-Būṭī (1976):

“Dan tidak ada ibadah yang lebih utama dan agung untuk mendekatkan diri kepada Allah ‘Azza wa Jalla selain daripada menemui seorang insan yang telah disesatkan oleh para pendusta yang licik, lalu engkau mendekatinya dengan belas kasihan dan kelembutan, dan meletakkannya semula di ambang jalan yang benar.”

Syeikh al-Būṭī (1976) turut menukilkan sebuah hadis Rasulullah SAW. Daripada Sahl ibn Sa'ad RA, bahawa Nabi SAW bersabda kepada 'Alī RA:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ ... فَوَاللَّهِ لَأَنْ يَهْدِيَ اللَّهُ بِكَ رَجُلًا وَاحِدًا خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ يَكُونَ لَكَ حُمْرُ النَّعَمِ .

[Muslim, *Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah*, Bāb Min Faḍā'il 'Alī ibn Abī Ṭālib, No. Hadis 2406]

Maksudnya:

“Maka demi Allah, bahawa Allah SWT memberi hidayat kepada seorang lelaki dengan sebab kamu, makanya lebih baik bagi kamu daripada unta yang terbaik.”

Selain daripada itu, berdakwah di jalan Allah SWT maka balasannya amat besar. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah Fuṣṣilat [41] ayat 33:

﴿وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ﴾

Maksudnya:

“Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah SWT, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: “Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah SWT)!”

Menurut [Ibn Kathīr \(1999\)](#), ayat ini merujuk kepada seseorang yang menyeru orang lain untuk mentauhidkan Allah SWT dan mentaati-Nya samada melalui ucapan, perbuatan ataupun dengan hal keadaannya serta sesiapa yang berbuat amal soleh dan menjadikan Islam sebagai agamanya. Menurut [al-Ṭabarī \(1984\)](#) pula ayat ini merujuk kepada mereka yang istiqamah dalam keimanan kepada Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Justeru, apa yang dilakukan oleh [al-Būṭī \(1976\)](#) boleh dianggap sebagai satu pendekatan dakwah dalam mengajak golongan yang mempunyai keraguan terhadap keadilan untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar menerusi kefahaman teodisi Islam serta keimanan terhadap qadad dan qadar. Gaya penulisan [al-Būṭī \(1976\)](#) jelas mempamerkan pendekatannya yang bertujuan mendidik menerusi renungan yang mendalam dan membawa pembaca berfikir secara rasional. Hal ini menjadikan pendekatan beliau berkesan dalam menyampaikan mesej dakwah kepada golongan pelbagai latar belakang. Menurut penulis, gaya penulisan yang mendidik dan bukan secara berkonfrontasi yang dipamerkan oleh al-Būṭī dalam penulisannya, mengajak golongan yang ragu terhadap Tuhan untuk berfikir dan merenung serta seterusnya kembali kepada fitrah adalah pendekatan yang bersifat tarbiah.

Selain itu, [al-Būṭī \(1976\)](#) juga menggunakan pendekatan rasional dan spiritual sebagai alat untuk menerangkan tentang konsep kehambaan dan penderitaan manusia sebagai salah satu pendidikan teodisi. Ayat-ayat al-Būṭī mengaplikasi komponen utama dalam pedagogi Islam iaitu kekuatan hujah rasional, kelembutan bahasa emosi dan kedalaman dimensi spiritual. Hujah rasional [al-Būṭī \(1976\)](#) boleh dilihat dalam usaha al-Būṭī menerangkan tentang logik keadilan Tuhan menerusi penekanan terhadap konsep Tuhan sebagai pencipta dan pemilik sesuatu dan manusia sebagai hamba Tuhan. Elemen emosi pula dipaparkan melalui kisah para nabi yang disebutkan sebagai manusia yang diuji. Hal ini secara tidak langsung dapat menimbulkan kesedaran sendiri kepada pembaca. Dimensi spiritual dapat dikesan dalam penulisan al-Būṭī yang menerangkan kasih sayang Allah kepada hambaNya bagi menimbulkan rasa taqarrub dalam diri pembaca.

Seterusnya, pendekatan [al-Būṭī \(1976\)](#) dalam penulisannya walaupun ringkas dan tidak kompleks namun ianya sarat dengan mesej akidah yang mendalam. Setiap penjelasan tentang ujian dan penderitaan dikaitkan dengan prinsip asas tauhid iaitu Allah SWT sebagai Tuhan yang mencipta dan mentadbir seluruh alam manakala manusia sebagai hamba Allah SWT. Mesej ini jelas mengajak manusia untuk menerima realiti kehidupan melalui kefahaman terhadap konsep keimanan yang sebenar dan bukanlah berdasarkan kepada persepsi akal manusia yang bersifat normatif. Kesederhanaan dalam pendekatan al-Būṭī menjadikan penulisannya mudah difahami oleh segenap lapisan masyarakat.

Secara kesimpulannya, pendekatan dakwah teodisi al-Būṭī memperlihatkan satu model pendidikan akidah yang menyeluruh, menyatukan unsur intelektual, spiritual, dan emosional dalam menjelaskan makna penderitaan dan keadilan Tuhan. Melalui karya *al-Insān wa ‘Adālah Allāh fī al-Ard*, al-Būṭī tidak sekadar menjawab persoalan logik mengenai kejahatan, tetapi membimbing pembaca agar melihat musibah sebagai ujian yang selari dengan hikmah Allah. Dengan membezakan golongan sasaran dakwah, al-Būṭī memberikan fokus khusus kepada mereka yang keliru tetapi masih memiliki benih keimanan dan menggunakan pendekatan hikmah, rasional dan wahyu dalam menyampaikan mesej dakwah. Gaya penulisannya lembut, mendidik dan tidak berkonfrontasi, serta penuh dengan nilai tarbiah yang membangkitkan kesedaran dalaman.

Gabungan hujah rasional, kedalaman spiritual dan sentuhan emosi menjadikan pendekatan [al-Būṭī \(1976\)](#) sebagai satu contoh efektif dalam usaha dakwah kontemporari, khususnya dalam menghadapi persoalan keraguan terhadap qadad dan qadar. Kesederhanaan penyampaiannya juga menjadikan dakwah ini mudah difahami dan diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat, sekali gus menjadikan teodisi bukan sekadar jawapan teoretikal, tetapi sebagai pendidikan jiwa menuju reda dan kepasrahan kepada Tuhan. Pendekatan al-Būṭī adalah

pendekatan holistik dalam usaha dakwah tarbiah akidah yang menghimpunkan ciri hikmah dan nasihat yang baik selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nahl [16] ayat 125:

﴿ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْ لَهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهْتَدِينَ﴾

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

Menurut Ibn Jarīr yang dimaksudkan dengan hikmah adalah apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW daripada al-Quran dan al-Sunnah serta nasihat yang baik iaitu daripada apa yang terkandung di dalamnya yang merupakan peringatan dan kisah-kisah yang menimpa manusia terdahulu supaya diambil pengajaran daripadanya (Ibn Kathīr, 1999). Ayat ini diturunkan kepada Nabi SAW ketika Nabi berdakwah di Mekah kepada orang musyrikin (Al-Qurtubī, 1964) menunjukkan bagaimana kaedah berdakwah kepada orang yang mempunyai keraguan terhadap Tuhan pada hari ini perlulah dilakukan dengan cara hikmah dan nasihat yang baik

## 6. KESIMPULAN

Syeikh al-Būṭī merumuskan bahawa untuk memahami keadilan Ilahi, terdapat dua kesedaran utama yang mesti dicapai. Pertama, manusia mesti memahami dan mengakui hakikat kewujudan diri mereka serta menyedari bahawa mereka adalah hamba kepada Allah SWT dan tertakluk kepada hukum-Nya. Al-Būṭī menekankan keperluan untuk memahami realiti manusia sebelum membincangkan perkara-perkara lain, dengan menggariskan kedudukan manusia sebagai makhluk yang sepenuhnya bergantung kepada kehendak dan ketetapan Allah SWT. Kesedaran ini menuntut penerimaan terhadap peranan diri dalam ciptaan Allah SWT, yang membantu seseorang memahami bahawa segala peristiwa, sama ada dilihat sebagai baik atau buruk, merupakan sebahagian daripada kehendak Allah SWT dan berperanan dalam satu tujuan yang lebih besar dan sering kali di luar jangkauan pemikiran manusia.

Kedua, manusia mesti menyedari bahawa kehidupan dunia yang mereka alami pada hari ini hanyalah sebahagian kecil daripada ciptaan Allah SWT yang agung dan sempurna. Syeikh al-Būṭī mencadangkan agar kehidupan dunia dilihat dalam konteks yang lebih luas, iaitu kewujudan akhirat. Dengan menyedari bahawa kehidupan dunia adalah sementara dan hanya sebahagian daripada perjalanan hidup manusia secara keseluruhan, seseorang dapat melihat penderitaan dan kejahatan bukan sebagai kejadian rawak, tetapi sebagai ujian atau elemen dalam rancangan Ilahi yang lebih besar, yang akhirnya membawa kepada kebaikan dan kesempurnaan hakiki.

Secara ringkas, perbincangan yang berlarutan sepanjang sejarah mengenai usaha menyatukan iman dan penderitaan telah mengelirukan manusia selama berabad-abad. Namun, al-Būṭī menawarkan pandangan mendalam yang mampu mengubah cara kita memahami keadilan Tuhan dan ujian kehidupan. Dalam pengamatannya terhadap isu teodisi, al-Būṭī membentangkan pendekatan yang seimbang dan bersifat rohani mendalam, dengan memberi penekanan kepada dua perkara utama: penerimaan rendah hati terhadap kehambaan manusia kepada Allah SWT dan pengiktirafan bahawa kehidupan dunia ini hanyalah sebahagian kecil daripada naratif Ilahi yang sempurna dan menyeluruh.

Dalam penulisan al-Buti, beliau mengajak pembaca untuk merenung bahawa cabaran dan penderitaan bukanlah hukuman, tetapi sebahagian daripada perancangan Allah SWT yang penuh hikmah dan keadilan. Dengan memahami konsep qadak dan qadar, individu boleh menemui ketenangan dalam penderitaan, memperkukuh iman dan membina ketahanan diri. Teodisi al-Būṭī bukan sekadar menerangkan penderitaan, tetapi mengubahnya menjadi peluang untuk pertumbuhan rohani dan hubungan yang lebih mendalam dengan Tuhan.

Pendekatan yang menyentuh ini membantu pembaca mengatasi keraguan dan keputusasaan, serta menyediakan satu kerangka kukuh untuk mendamaikan iman dengan cabaran hidup yang tidak dapat dielakkan. Teodisi menurut al-Būṭī menawarkan pemahaman yang mendalam tentang keadilan Ilahi dan mengajak manusia

untuk melihat penderitaan bukan sebagai percanggahan kepada kebaikan Tuhan, tetapi sebagai sebahagian daripada perancangan Ilahi yang penuh makna. Dengan menghayati pandangan al-Būṭī, pembaca digalakkan membina iman yang lebih teguh dan mendalam, serta mengubah penderitaan menjadi jalan menuju kematangan spiritual. Melalui lensa ini, kajian teodisi bukan sahaja menjadi satu wacana teologi, tetapi juga jalan menuju perjalanan rohani yang lebih bermakna dan berkesan.

Gabungan pendekatan pendidikan serta dakwah dalam memberi kefahaman berkaitan teodisi Islam menjadi pendekatan al-Būṭī bukan sekadar usaha akademik sahaja tetapi sebagai satu usaha tarbiah rohani yang holistik. Melalui wacana ini umat Islam dibimbing untuk memahami penderitaan sebagai ujian dan sebahagian daripada ketentuan Tuhan yang adil, bukan sebagai bukti ketiadaan dan ketidakadilan Tuhan. Pendekatan ini penting dan relevan dalam menangani krisis akidah umat Islam pada era pascamoden ini.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

## PENGHARGAAN

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian Geran Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Selangor di bawah projek bertajuk 'Elemen Teodisi dalam Pemikiran Ateis di Selangor'. Kod Projek: 2023/P/GPIU/GPM-007.

## SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan daripada enam orang penyelidik. Nurhanisah Senin terlibat dengan proses merangka, mengumpul dan menganalisis data. Manakala Nazneen Ismail dan Mustafa Kamal Amat Misra terlibat dengan proses menganalisis data serta penyelarasan aspek teknikal. Hamidun Mohamed Husin, Norsaleha Mohd Salleh dan Sheikha Saidah Mohamad Najeeb Jarhom telah melakukan pengesahan data yang terkumpul serta memastikan metode yang digunakan adalah selaras dengan objektif yang hendak dicapai.

## RUJUKAN

- Aini, Z., Don, A. G., Mokhtar, A. I., & Ahmad Fauzi, N. U. (2019). Strategi komunikasi pemujukan pendakwah dalam penyampaian mesej Islam kepada masyarakat orang asli di Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1), 12–26. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i1.43>.
- Akhmad Faridatullah, B. N., Ahmad Hambali, R. Y., Lukmanul Hakim, M., & Hardiyah Syah, Y. H. (2023). Ibn Athaillah's theodicy thoughts about ugliness. *Al-Afkar, Journal For Islamic Studies*, 6(3), 546–561. <https://doi.org/10.31943/afkarjournal.v6i3.701>.
- Al-Būṭī, M. S. R. (1976). *Al-Insān wa 'adālat Allāh fī al-arḍ*. Damsyik: Maktabat al-Farābī.
- Al-Butī, M. S. R. (2005). *Kubrā al-yaqīniyāt al-kawnīyah: Wujūd al-khāliq wa wazīfat al-makhlūq*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āshir.
- Al-Ghazālī, A. Ḥ. (2008a). *Al-Iqtisād fī al-'itiqād*. Jeddah, KSA: Dār al-Minhāj.
- Al-Ghazālī, A. H. (2008b). *Ihyā' 'ulūm al-dīn*. Jil. 4. Kaherah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah
- Al-Munāwī, 'A. R. (1994). *Fayḍ al-qadīr sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. Jil. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qurṭubī, M. A. (1964). *Al-Jāmi' li-ahkām al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Sulamī, 'I. 'A. 'A. (1995). *Kitāb al-Fitan wa al-Miḥan wa al-Balāyā wa al-Razāyā aw Fawā'id al-Balwā wa al-Miḥan*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Al-Ṭabarī, I. J. (1984). *Jāmi' al-bayān 'an ta'wīl āy al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Taftāzānī, S. D. (2017). *Sharḥ al-'aqā'id al-nasafiyah*. M. H. Marjunit, A. Yusof, & F. Affandi (Trans.). Selangor: Inisiatif Buku Darul Ehsan.
- Bagus, L. (2002). *Kamus filsafat*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Ḥimāmī, M. H. (t.th.). *Ḥikmat al-khāliq fī 'adlihi bayna al-khalā'iq: Mukhtaṣar li kitāb al-Insān wa 'Adālat Allāh fī al-Arḍ*. t.tp.: t.pt.
- Ibn 'Aṭā'illah, S. (2011). *Tāj al-'arūs al-hāwī li tahdhīb al-nufūs*. Fauz (Terj.). Jakarta: Zaman.
- Ibn Kathīr, A. F. I. (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Riyadh, KSA: Dār Ṭayyibah.
- Leahy, L. (1993). *Filsafat ketuhanan kontemporer*. Yogyakarta: Kanisius.
- Leibniz, G. W. F. (2009). *Theodicy*. New York, NY: Cosimo.
- Lock, M. (2021). Introduction. In S. R. al-Butī, *Man and Allah's Justice on Earth* (pp. ix–xv). Singapore: Nawa Books.
- Mackie, J. L. (1955). Evil and omnipotence. *Mind*, 64(254), 200-212. Diperolehi daripada <http://www.jstor.org/stable/2251467>.
- Maftukhin, M. (2018). Pemikiran teodisi Said Nursi tentang bencana alam: Perpaduan pemikiran al-Ghazali dan al-Rumi. *TSAQAFAH*, 14(2), 241-262. <https://dx.doi.org/10.21111/tsaqafah.v14i2.2562>.
- McCloskey, H. J. (1974). The morality of punishment of the "moral" criminal. In H. J. McCloskey (Ed.), *Punishment and Human Rights*. Cambridge, MA: Schenkman Publishing Company.
- Mohamad, N., & Majid, M. A. (2019). Dakwah melalui penulisan puisi Melayu: Analisis terhadap karya Abham TR. *Jurnal melayu*, 18(2), 293-301. Diperolehi daripada <https://journalarticle.ukm.my/14331/1/35433-111090-1-SM.pdf>.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic analysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1), 1-13. <https://doi.org/10.1177/1609406917733847>.
- Nursi, S. (2004). *The Risale-i Nur collection*. H. Akın (Trans.). Turkey: Sözlere Publications.
- Ormsby, E. (1984). *Theodicy in Islamic thought: The dispute over al-Ghazālī's best of all possible worlds*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Ozkan, T. Y. (2015). *A Muslim response to evil: Said Nursi on theodicy*. London & New York: Routledge.
- Plantinga, A. (1974). *God, freedom and evil*. Grand Rapids, MI: Eerdmans.
- Ramli, A. F., Sarifin, M. R., Yaacob, N. H., & Zin, S. A. (2022). Understanding the atheism phenomenon through the lived experiences of Muslims: An overview of Malaysian atheists. *HTS Teologiese Studies/Theological Studies*, 78(1). <https://doi.org/10.4102/hts.v78i1.7640>.
- Rouzati, N. (2018). Evil and human suffering in Islamic thought: Towards a mystical theodicy. *Religions*, 9(47), 1-16. <https://doi.org/10.3390/rel9020047>.

- Rowe, W. L. (1979). The Problem of Evil and Some Varieties of Atheism. *American Philosophical Quarterly*, 16(4), 335-341. Diperolehi daripada <https://rintintin.colorado.edu/~vancecd/phil201/Rowe.pdf>.
- Senin, N., & Misra, M. K. (2022). Teodisi menurut Imām al-Ghazālī. Dlm. *Kelestarian Pengajian Islam di Malaysia* (pp. 98-102). Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).
- Syafieh, S. (2019). Kejahatan dan campur tangan Tuhan: Sebuah tinjauan teodesis dan teologi Islam. *LENTERA: Indonesian Journal of Multidisciplinary Islamic Studies*, 1(1), 69-84. <https://doi.org/10.32505/lentera.v1i1.671>.
- Syah, Y. H. H. (2022). Pemikiran teodisi Ibn Arabi tentang keburukan. *JAQFI: Jurnal Aqidah Dan Filsafat Islam*, 7(1), 61-85. Diperolehi daripada <https://download.garuda.kemdikbud.go.id/article.php?article=2834265&val=9611&title=Pemikiran%20Teodisi%20Ibn%20Arabi%20Tentang%20Keburukan>.
- Wan Razali, W. M. F. A. (2023). Panduan peranan para ibu bapa dalam pendidikan teodisi Islam: Beberapa pedoman daripada kitab *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Miḥān* oleh Al-'Izz Ibn 'Abd Al-Salām (577-660H). *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 2(2), 85-107. Diperolehi daripada <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/51>.
- Zikmal, F. (2015). Pendekatan bahasa dalam dakwah (Satu kajian dari perspektif al-Qur'an). *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 2(2), 14-25.

#### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

